

## PERMASALAHAN PROGRAM SUSU SEKOLAH DI DAERAH HULU LANGAT

<sup>1</sup>Sharifudin Md. Shaarani & <sup>2</sup>Aminah Abdullah

<sup>1</sup>Sekolah Sains Makanan & Pemakanan, Universiti Malaysia Sabah, Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Sabah

<sup>2</sup>Jabatan Sains Makanan & Pemakanan, Fakulti Sains Hayat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.

**ABSTRACT.** A survey was conducted involving several primary schools in the Hulu Langat district to determine the problems encountered during the implementation of the School Milk Programme. The survey involved 15 teachers who were also the coordinators for the programme and a company responsible for supplying the school milk (hence known as the supplier). The major problem encountered was the delay in the delivery of the milk by the supplier. From 15 teachers, 40% claimed that the milk delivery is always delayed and consequently many of the teachers (80%) were dissatisfied with the supplier. This delay has caused several related problems for example the failure in distributing the milk according to planned, the inability to ensure that the students receive their milk supply twice a week and inappropriate place for storing the milk. The delay has also resulted in some schools not receiving the right amount of milk supply as formerly agreed. The factors contributing to the delay in the school milk delivery are influenced by profit, lack of manpower and transportation.

**ABSTRAK.** Satu tinjauan telah dilakukan di sekolah-sekolah rendah di daerah Hulu Langat untuk mengetahui masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Susu Sekolah (PSS). Tinjauan ini melibatkan 15 orang guru penyelaras PSS dan sebuah syarikat pembekal susu sekolah. Masalah utama yang timbul adalah kelewatan penghantaran susu sekolah oleh syarikat pembekal. Sejumlah 40% daripada guru penyelaras PSS menyatakan penghantaran susu sentiasa lewat. Akibatnya, ramai guru penyelaras PSS (80%) berasa tidak puas hati dengan perkhidmatan syarikat pembekal susu sekolah. Kelewatan ini menyebabkan timbul berbagai masalah seperti agihan susu yang tidak mengikut kaedah yang dicadangkan, kegagalan murid-murid mendapatkan susu dua kali seminggu dan tempat menyimpan susu yang tidak sesuai. Pembekal susu melonggokkan bilangan penghantaran susu sekolah dan menyebabkan penghantaran dalam kuantiti yang besar. Kelewatan ini turut menyebabkan beberapa buah sekolah tidak menerima jumlah susu percuma yang sepatutnya diterima. Keadaan ini juga menjejaskan penjualan Skim Susu Bayaran. Sebanyak 5.9% ibu-bapa tidak akan membeli susu sekolah lagi dan 5.1% meminta duit mereka dikembalikan. Faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan penghantaran susu sekolah berkaitan dengan keuntungan, kekurangan pekerja dan pengangkutan oleh pihak pembekal susu sekolah.

## PENGENALAN


Program Susu Sekolah (PSS) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah bermula sejak tahun 1983. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan murid-murid sekolah rendah melalui pemupukan tabiat meminum susu.

Program ini dibahagikan kepada dua skim iaitu Skim Susu Percuma (SSP) dan Skim Susu Bayaran (SSB). Kriteria utama pemilihan murid untuk menyertai SSP adalah mereka yang datang dari keluarga bersosio-ekonomi rendah atau mengalami kekurangan zat makanan. Murid-murid di bawah SSP dijadualkan mendapat 56 kotak susu setahun dengan agihan dua kotak susu seminggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994a). Bagi SSP, kosnya ditanggung oleh Kementerian Pendidikan dan sebahagian daripadanya ditampung oleh syarikat pengeluar susu sekolah. Jumlah pembiayaan yang ditanggung oleh syarikat ialah 5% daripada kuantiti yang dapat dijual pada tahun sebelumnya (Jabatan Perdana Menteri, 1991). Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan kepada setiap sekolah bilangan susu percuma yang sepatutnya diterima setahun. Pihak pembekal perlu menghantar susu percuma itu mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Skim Susu Bayaran dibuka kepada semua murid-murid. Harga susu yang dijual di bawah skim ini adalah lebih rendah daripada harga pasaran iaitu RM 0.45 bagi satu kotak 250 ml. Walau bagaimanapun, murid-murid dihadkan kepada 4 kotak sahaja bagi setiap pesanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994a).

Daerah Hulu Langat mempunyai bilangan peserta PSS percuma seramai 975 orang iaitu daerah kedua terbanyak di negeri Selangor. Penghantaran susu ke sekolah-sekolah yang terlibat mestilah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Di kawasan kajian ini, bilangan penghantaran susu yang telah dijadualkan ke sekolah-sekolah adalah sebanyak 10 kali setahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994b).

Program Susu Sekolah melibatkan pelbagai pihak dari pelbagai peringkat seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. Anak panah yang terdapat di dalam Rajah 1 mewakili interaksi dua hala diantara pihak-pihak yang terlibat. Setiap pihak mempunyai tanggungjawab dan peranan yang perlu dilaksanakan untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar. Setiap maklumat yang ingin disampaikan oleh Kementerian Pendidikan ke sekolah atau ibu-bapa perlu melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dan begitu juga sebaliknya. Syarikat pengeluar susu yang ingin menyampaikan maklumat kepada ibu-bapa juga akan melalui pihak sekolah. Syarikat pengeluar susu akan melantik sebuah syarikat pembekal tempatan sebagai wakilnya untuk menghantar susu ke sekolah-sekolah yang terlibat. Oleh itu sekiranya suatu pihak menghadapi masalah pada peringkatnya, ia akan menyebabkan masalah pada peringkat lain pula. Secara keseluruhan, program ini sangat memerlukan kerja sama dan persefahaman yang baik antara semua pihak yang terlibat.



Rajah 1 : Interaksi di kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam program susu sekolah.

Beberapa kajian yang berkaitan dengan PSS telah dilakukan antaranya ialah Chen & Domala (1984), mengkaji kesan PSS ke atas penerimaan dan pertumbuhan kanak-kanak yang mengalami kekurangan zat makanan di kawasan bandar dan luar bandar. Kajian yang berikutnya adalah mengenai kesan PSS kepada status pemakanan kanak-kanak sekolah (Chen, 1988). Nawalyah *et. al.* (1988) pula menjalankan kajian ke atas pengurusan Program Susu Sekolah. Manakala satu kajian ke atas kawalan mutu susu sekolah dari aspek mikrobiologi makanan juga pernah dijalankan (Ghulam & Mohd, 1990). Oleh itu, kajian yang dijalankan kini adalah bertumpu kepada mencari punca masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Susu Sekolah. Artikel ini akan membincangkan masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan PSS.


## METODOLOGI

Tinjauan telah dijalankan di 15 buah sekolah rendah yang melibatkan 15 orang guru penyelaras PSS di daerah Hulu Langat, Selangor. Sekolah yang dipilih merangkumi kawasan bandar, pinggir bandar, dan luar bandar. Sebuah syarikat pembekal susu juga dipilih menjadi responden kerana syarikat ini bertanggung-jawab ke atas mengagihkan susu di kawasan kajian ini. Borang soalselidik digunakan untuk mengumpulkan data yang diperlukan. Data dikumpulkan dan dilakukan analisis statistik menggunakan komputer yang dilengkapi dengan perisian SAS.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada tinjauan yang dilakukan, didapati beberapa masalah timbul dalam pelaksanaan PSS. Masalah utama dalam pelaksanaan PSS ialah kelewatan penghantaran susu sekolah oleh pihak pembekal. Rajah 2 menunjukkan ketepatan syarikat pembekal menghantar susu ke sekolah mengikut jadual. Didapati 40% daripada guru-guru ini menyatakan penghantaran susu sentiasa lewat, 20% menyatakan lewat dan 33.3%

kadang-kadang tepat dan hanya 6.7% memberikan jawapan selalunya tepat. Akibatnya 80% daripada guru tersebut menyatakan mereka tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal manakala selebihnya (20%) berpuas hati.



Rajah 2 : Ketepatan penghantaran susu oleh syarikat pembekal

Kekerapan pengagihan susu kepada murid-murid amat bergantung kepada penghantaran susu sekolah oleh syarikat pembekal. Oleh kerana penghantaran susu sekolah lewat maka pengagihan susu terpaksa disesuaikan dengan kelewatan tersebut. Jika ada bekalan susu, guru-guru tersebut dapat mengagihkannya dua kali seminggu (60%) sebagai mana yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan atau mengikut kaedah-kaedah lain seperti di Jadual 1. Bagi guru-guru yang memberikan jawapan 'lain-lain' (20%), kekerapan pengagihan susu bergantung kepada jumlah susu yang diterima.


Jadual 1: Peratus kekerapan guru mengagihkan susu

Kekerapan pengagihan	Peratusan (%)
Setiap hari	6.7
Sekali seminggu	6.6
2 kali seminggu	60.0
4 kali seminggu	6.7
Lain-lain	20.0

Hasil kajian mendapati semua sekolah yang terlibat dengan tinjauan ini tidak menerima susu mengikut jadual yang telah ditetapkan. Penghantaran susu lewat kerana pembekal melonggokkan bilangan penghantaran sehingga mencapai kuantiti tertentu dan kemudian barulah dihantar. Oleh itu, bilangan penghantaran susu sekolah tidak lagi 10 kali setahun tetapi telah dikurangkan menjadi 3-4 kali sahaja dalam setahun. Ini bermakna sekolah tersebut menerima bekalan susu lewat dan murid-murid tidak memperolehi dua kotak susu setiap minggu sepanjang tahun seperti mana yang

dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan. Keadaan ini menyebabkan bilangan susu yang diagihkan kepada murid-murid melebihi dua kotak pada sekali agihan (Rajah 3). Oleh itu, bilangan kotak susu yang diagihkan kepada murid-murid bergantung kepada penghantaran susu oleh pihak pembekal. Apabila ada bekalan susu, seramai 66.7% guru-guru penyelarass PSS mengagihkan dua kotak seminggu sebagai mana yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan atau mengikut kaedah-kaedah lain seperti di Rajah 3. Bagi guru-guru yang memberikan jawapan 'lain-lain' (13.3%), bilangan susu yang diberikan bergantung kepada jumlah susu yang diterima daripada pembekal. Selain dari itu, terdapat juga sekolah-sekolah yang tidak mendapat kuantiti susu percuma yang secukupnya sebagai mana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Ini bermakna, murid-murid tersebut tidak memperoleh 56 kotak susu percuma setahun.

Salah satu objektif Program Susu Sekolah ialah membekalkan zat makanan kepada murid-murid yang memerlukannya. Objektif ini tidak tercapai kerana masalah kelewatan penghantaran serta kuantiti yang tidak mencukupi. Murid-murid tersebut hanya mendapat khasiat susu apabila ada bekalan sahaja. Masalah kelewatan penghantaran telah menghalang pengambilan susu secara berterusan dalam jumlah yang sesuai.



Rajah 3: Peratus bilangan susu yang diberikan kepada murid.

Kelewatan dan longgokan penghantaran juga mengakibatkan susu dihantar dalam jumlah yang besar. Ini menimbulkan masalah lain, iaitu tempat menyimpan susu. Tidak semua sekolah dilengkapi dengan bilik dan peralatan yang sesuai untuk dijadikan tempat menyimpan susu. Oleh itu, terdapat sekolah-sekolah yang terpaksa menyimpan dalam keadaan atau tempat yang tidak sesuai seperti dalam stor (18.2%) dan almari (36.4%). Penyimpanan susu di tempat yang tidak sesuai mendedahkan kepada serangan makhluk perosak seperti tikus, lipas dan sebagainya. Masalah tempat penyimpanan juga menyebabkan ada guru yang terpaksa mengagihkan susu lebih kerap daripada yang dicadangkan (Jadual 1) ataupun mengagihkannya pada kuantiti yang banyak (Rajah 3). Longgokan penghantaran juga kadang-kadang menyebabkan susu yang dihantar ke sekolah mempunyai tarikh luput yang hampir tamat. Keadaan ini memaksa guru

mengagihkannya secepat dan sebanyak mungkin atau memberikannya kepada murid-murid yang tidak terlibat dengan program ini.

Kelewatan penghantaran ini turut menjejaskan penjualan susu di bawah Skim Susu Bayaran. Bagi skim ini, murid-murid boleh memesan dalam kuantiti yang dikehendaki (tidak melebihi 4 kotak setiap pesanan) dan membayarnya kepada pihak sekolah. Oleh kerana kelewatan penghantaran susu ke sekolah, ibu-bapa mula bertanya kepada guru mengenai kelewatan penerimaan susu yang dipesan oleh anak mereka (64.4%). Malah ada ibu-bapa yang meminta dikembalikan duit (5.1%) atau tidak akan membelinya lagi (5.9%). Jadual 2 menunjukkan tindakan ibu-bapa/penjaga apabila pesanan susu sekolah lewat diterima oleh anak mereka. Walau bagaimanapun, seramai 24.6% ibu-bapa/penjaga ini menyatakan mereka tidak akan mengambil sebarang tindakan. Kelewatan menerima susu yang dipesan tentunya menimbulkan ketidakpercayaan ibubapa kepada sekolah serta program tersebut dan hal ini menjejaskan penjualan susu pada masa akan datang. Masalah ini juga akan menjejaskan motivasi guru dan menambahkan lagi masalah guru-guru yang terlibat.

Jadual 2 : Tindakan ibu-bapa/penjaga apabila pesanan lewat diterima

Tindakan yang diambil	Peratusan (%)
Bertanyakan kepada guru	64.4
Tidak mengambil sebarang tindakan	24.6
Tidak membeli lagi	5.9
Meminta duit dikembalikan	5.1

Masalah utama yang dihadapi oleh pembekal susu sekolah berpunca daripada kos penyelenggaraan dan keuntungan yang diperolehi. Hasil daripada temuramah yang dilakukan dengan pembekal mendapati bahawa penghantaran susu jika mengikut jadual yang ditetapkan adalah tidak kos efektif. Ini kerana jarak sekolah yang jauh dan tenaga kerja yang terpaksa diperuntukkan kepada aktiviti ini adalah tinggi. Terdapat sekolah-sekolah yang agak jauh daripada pembekal dan tidak kos efektif jika penghantaran dilakukan kerap kali. Selain itu, kegiatan utama pembekal ini adalah sebagai pemborong makanan dan mereka perlu memberikan keutamaan kepada kegiatan tersebut. Mereka perlu menghantar barang-barang makanan yang telah dipesan oleh pelanggannya di samping penghantaran susu ke sekolah. Oleh itu, pembekal ini terpaksa mengagihkan tenaga kerja, pengangkutan dan masa untuk kedua-dua aktiviti tersebut. Hasil dari kajian ini juga mendapati pendapatan kasar pembekal menerusi program susu sekolah sangat kecil jika dibandingkan dengan aktiviti utamanya. Oleh itu untuk mengurangkan kos, mereka mengurangkan penghantaran daripada 10 kepada 3-4 bekalan setahun. Seandainya pembekal ini dapat menghantar susu mengikut jadual seperti yang ditetapkan, mereka akan mengalami kerugian.

Masalah lain yang dialami oleh pembekal ialah kekurangan pekerja dan pengangkutan. Program Susu Sekolah hanyalah aktiviti sampingan yang kurang

menguntungkan terutama jika susu perlu dihantar dalam jumlah yang sedikit. Apabila penghantaran susu dilakukan mereka terpaksa memperuntukkan beberapa hari dalam seminggu. Mereka juga dikehendaki memungkah susu ke tempat simpanan tanpa pertolongan pihak sekolah. Kadang-kala kelewatan juga berpunca daripada kelambatan penghantaran oleh pihak kilang yang memproses susu kepada pembekal berkenaan. Hal ini turut memberi kesan kelewatan kepada penghantaran susu ke sekolah-sekolah yang terlibat.

## KESIMPULAN

Program Susu Sekolah merupakan suatu program yang baik dan diterima oleh guru, murid-murid dan ibu-bapa. Masalah utama adalah kelewatan penghantaran susu ke sekolah-sekolah. Banyak masalah yang berkaitan timbul akibat kelewatan ini. Kelewatan ini memaksa guru-guru mengagihkan susu secepat dan sebanyak mungkin dan murid-murid pula tidak mendapat susu dua kali seminggu seperti mana yang telah dijadualkan. Kelewatan ini juga menimbulkan masalah penyimpanan susu kerana bekalan yang diterima adalah dalam kuantiti yang besar. Kelewatan penghantaran susu oleh pembekal adalah berkaitan dengan pendapatannya dalam menyelenggarakan program ini. Disamping itu, pembekal juga terpaksa mengimbangkan kegiatan utamanya dengan penghantaran susu ke sekolah-sekolah agar pendapatannya tidak terjejas.

## RUJUKAN

- Chen, S.T. 1985. *Impact of School Milk Programme on Nutritional Status of School Children*. Dept. of Paediatrics & Social & Preventive Medicine. Faculty of Medicine. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Chen, S.T. & Domala, Z. 1984. *Report on the Evaluation of School Supplementary Milk Feeding Programme on the Acceptability and Growth of Malnourished Children in urban and rural areas in Malaysia*. Dept. of Paediatrics & Social & Preventive Medicine. Faculty of Medicine. Kuala Lumpur : University Malaya.
- Ghulam, R.A.R. & Mohd., Y.M. 1992. *Laporan Kawalan Mutu Susu Program Susu Sekolah*. Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi. Serdang : UPM
- Jabatan Perdana Menteri. 1991. *Kajian Keberkesanan Program Susu Sekolah ke atas Sosio-ekonomi Murid-Murid*. Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi. Jabatan Perdana Menteri.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994a. *Program Susu Sekolah*. Unit Kesihatan Sekolah, Bahagian Sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994b. *Perancangan Tahunan 1994 Program Susu Sekolah*. Jawatankuasa Kerja Program Susu Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nawalyah, A.G., Maznah, I., Rokiah, M.Y. & Rohana, I. 1988. *Sambutan dan Pengurusan Program Susu Sekolah*. Fakulti Pertanian. Serdang : UPM.

KESIMPULAN

Program Susu Sekolah merupakan suatu program yang baik dan berkesan oleh kerana ia dapat meningkatkan status kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Masalah utama adalah berkaitan dengan pengetahuan mengenai program ini. Keseluruhan masyarakat yang berkaitan terlibat dalam kegiatan ini. Keseluruhan masyarakat yang terlibat dalam kegiatan ini adalah masyarakat yang berkeperluan tinggi terhadap susu. Keseluruhan masyarakat yang terlibat dalam kegiatan ini adalah masyarakat yang berkeperluan tinggi terhadap susu. Keseluruhan masyarakat yang terlibat dalam kegiatan ini adalah masyarakat yang berkeperluan tinggi terhadap susu.

RUJUKAN

Chen, S.T. 1982. Impact of School Milk Programme on Nutritional Status of School Children. *Journal of Paediatrics & Social & Preventive Medicine*, Faculty of Medicine, Kuala Lumpur, Universiti Malaysia.  
Chen, S.T. & Dornier, J. 1984. Report on the Evaluation of School Supplement Milk Feeding Programme on the Face, Body and Growth of Malnourished Children in Urban and Rural Areas in Malaysia. *Journal of Paediatrics & Social & Preventive Medicine*, Faculty of Medicine, Kuala Lumpur, Universiti Malaysia.  
Gindan, R.A.R. & Mohd, Y.M. 1991. Laporan Kajian dan Penyelidikan Susu Sekolah. *Fakulti Sains Makanan dan Teknologi*, Serdang : UPM.  
Jabatan Pertanian Menteri. 1991. Laporan Kajian dan Penyelidikan Susu Sekolah. *Jabatan Pertanian Menteri*.  
Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994a. *Program Susu Sekolah*. Unit Kesihatan Sekolah, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.  
Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994b. *Perancangan Tahunan 1994 Program Susu Sekolah*. Jawatankuasa Kerja Program Susu Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.